

09 OCT 2001

Mahathir-LIMA (Keganasan)

PENDEKATAN BARU PERLU UNTUK BANTERAS KEGANASAN, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 9 Okt (Bernama) -- Institusi-institusi penyelidikan terkemuka perlu mencari sistem baru dan teknologi untuk membanteras keganasan semasa pemimpin-pemimpin dunia berusaha mengenalpasti punca keganasan dan mencari jalan mengatasinya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata perlu ada sistem baru dalam mengumpulkan maklumat risikan termasuk penggunaan peranti-peranti elektronik baru, kapasiti peninjauan baru dan gambar-gambar yang lebih tepat daripada angkasa lepas.

Juga perlu ada peranti memasang telinga yang lebih sensitif, pengesanan awal bahan kimia beracun, pesawat kawalan jauh dan banyak lagi idea baru serta peranti, kata beliau semasa merasmikan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2001 (LIMA '01) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, di sini.

Konsep sekarang mengenai peperangan dan pertahanan telah berubah sejak serangan penganas di Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington pada 11 Sept lepas.

"Senjata konvensional nampaknya tidak lagi berguna. Tetapi kita masih perlu kekalkan senjata-senjata konvensional ini kerana kita masih percaya dengan pepatah lama yang untuk memastikan keamanan kita perlu bersedia berperang.

"Kita mesti melengkapkan diri dengan senjata untuk menghalang musuh kita. Malangnya ini tidak memadai dalam memerangi penganas. Senjata dalam memerangi penganas pastinya jauh berbeza," kata beliau.

Dr Mahathir berkata dalam kejadian 11 Sept, penganas menggunakan pesawat komersil yang membawa 83 tan bahan api untuk merempuh kedua-dua tempat itu.

Dalam kejadian itu dua daripada empat pesawat komersil yang dirampas merempuh bangunan Pusat Dagangan Dunia di New York dan sebuah lagi di Pentagon, Washington. Pesawat keempat pula terhempas di Pennsylvania dan dianggarkan hampir 5,000 orang terbunuh dalam serangan itu.

"Ia bukan peluru berpandu yang kita ketahui, peluru berpandu canggih yang dikawal oleh radio and laser yang dimiliki oleh kuasa-kuasa besar, yang kita percaya dapat halang serangan terhadap mereka dan bertindak balas segera terhadap apa-apa serangan terhadap mereka," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, pesawat-pesawat itu yang dipandu oleh juruterang-juruterbang berani mati, nampaknya lebih berkesan berbanding penggunaan peluru-peluru berpandu yang dikagumi dan digeruni itu.

"Pesawat komersil yang digunakan sebagai peluru berpandu bukan sahaja memusnahkan bangunan konkrit dan keluli tetapi juga menyebabkan ekonomi terkuat di dunia itu terheret ke dalam kancang kemelesetan yang belum pernah didengar," katanya.

Perdana Menteri berkata cara hidup penduduk dunia juga telah berubah daripada saat pergolakan itu.

"Semua yang kita sudah biasa dengan; cara hidup kita telah berubah dengan radikal," katanya.

LIMA '01 memasuki siri keenam sejak ia diperkenalkan pada 1991.

Sementara itu mengenai pembangunan industri kapal terbang dan maritim di negara Dr Mahathir berkata mereka perlu memasarkan keupayaan dan produk mereka ke seluruh dunia.

"Walaupun keupayaan teknikal kita (dalam industri penerbangan dan maritim) telah meningkat, pulangan daripada perniagaan kita masih kecil

secara bandingan," katanya.

Beliau berkata syarikat-syarikat tempatan perlu menyertai pameran-pameran antarabangsa udara, maritim dan pertahanan di bahagian-bahagian lain dunia dan majukan strategi pemasaran agresif bagi bersaing dengan jayanya di pasaran antarabangsa hari ini.

Dr Mahathir berkata juga terdapat sedikit kemajuan dalam pembangunan industri kapal terbang negara sejak beberapa tahun lepas.

Malaysia buat masa ini mampu merekabentuk dan mengilang beberapa komponen pesawat di bawah subkontrak daripada pengeluar peralatan asal (OEMs) dan juga menceburi bidang-bidang teknologi tinggi seperti integrasi sistem dan pembangunan simulator.

Sebagai contoh, SME Aerospace mengeluarkan pelbagai produk berasaskan logam kegunaan kapal terbang bagi pasaran eksport dan pembangunan 'Malaysian Unmanned Aerial Vehicle (UAV)' oleh Composites Technology Research Malaysia (CTRM).

UAV boleh digunakan bagi tujuan ketenteraan dan bukan ketenteraan termasuk tinjauan pesisir pantai dan pemantauan pembakaran terbuka, pembalakan haram, lanun dan pergerakan pendapatan tanpa izin, katanya.

Kerajaan, katanya, komited dalam memajukan lagi industri pengangkutan udara dan marin sebagai industri pilihan utama.

"Bagi tujuan ini, dan bagi mempercepatkan pertumbuhan industri, kita akan mengutamakan pembekal peralatan pertahanan yang boleh menawarkan program timbal balas yang menarik bersama cadangan mereka," katanya.

Beliau berkata proses pemindahan teknologi maksimum perlu lebih tertumpu dan bukan hanya menawarkan skim-skim latihan yang bukan produktif yang tidak memenuhi keperluan industri atau projek.

"Pembekal yang menawarkan program tembal balas paling menarik dan jenis-jenis teknologi dengan peluang perniagaan besar sudah pasti akan mendapat pertimbangan lebih baik" kata beliau.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan sentiasa menyokong pembangunan industri kapal terbang dan maritim dan telah menubuhkan antara lain, Majlis Angkasa Lepas Malaysia dan Majlis Industri Pertahanan Malaysia.

Beliau percaya LIMA boleh berperanan sebagai platform yang berkesan bagi syarikat-syarikat kapal terbang dan maritim terkemuka yang mencari perkongsian pintar bersama syarikat-syarikat tempatan untuk mendapatkan kelebihan kompetitif.

-- BERNAMA

JM PR